



MEMO



"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Kepada:

Seperti di Lampiran

Daripada:

Pengarah Kewangan

Rujukan : (12) MBSA/KEW/100-12/3/21 Jld. 1

Tarikh : 23 Mac 2016
14 Jamadilakhir 1437 H



Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BILANGAN 1 TAHUN 2016 :
PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) BAGI AGENSI
KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Jabatan Audit Negara telah membuat perubahan berkenaan tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) mulai tahun kewangan 2015 bagi Agensi-agensi Kerajaan. Penarafan Cemerlang dinaikkan dari 4 bintang kepada 5 bintang bagi memastikan usaha kecemerlangan dibudayakan secara berterusan di peringkat Agensi Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

3. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016 berkaitan Penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Bagi Agensi Kerajaan yang berkuatkuasa mulai 2 Februari 2016 untuk makluman dan rujukan pihak tuan/puan.


Sekian, terima kasih.

" KHIDMAT TERBAIK "

Saya yang menjalankan tugas,

(AFFANDI BIN HJ. JAAFAR)

Makluman ke atas tuan.



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 1 TAHUN 2016

**PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)
BAGI AGENSI KERAJAAN**

**JABATAN AUDIT NEGARA
2 FEBRUARI 2016**

Diedarkan kepada :

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan



KETUA AUDIT NEGARA
(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL)
NO. 15, ARAS 4, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62518 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 603-8889 9001
Fax : 603-8888 9701
EMail : ag@audit.gov.my

Ruj. Fail: AUDIT/IP/BSA/16/1 JILID 2 (15)

Tarikh : 2 Februari 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 1 TAHUN 2016

PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) BAGI AGENSI KERAJAAN

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan berkenaan tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun kewangan 2015 kepada Agensi Kerajaan.

Agensi Kerajaan bermaksud Kementerian (Persekutuan dan Negeri), Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Badan-badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.

LATAR BELAKANG

2. Pengurusan Kewangan merupakan satu aspek yang penting dalam organisasi kerana hal-hal berkaitan kewangan perlu diurus dengan teratur dan berkesan

supaya objektif sesebuah organisasi dapat dicapai. Pengurusan kewangan yang cekap akan menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara kerana setiap ringgit yang diterima dan dibelanjakan dengan cara yang betul akan memberi manfaat yang optimum kepada Kerajaan.

3. Bermula pada tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti dengan memberi penarafan 4 bintang kepada Agensi Kerajaan yang cemerlang. Sejak pelaksanaan sistem penarafan ini, berlaku perubahan positif di kalangan Agensi Kerajaan yang diaudit. Bilangan yang mendapat penarafan 4 bintang meningkat dari tahun ke tahun.

4. Secara umumnya, pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk menilai sama ada:

- wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap elemen pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, amanah dan deposit, aset dan stor, kenderaan, pelaburan dan pinjaman serta penyata kewangan;
- pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

5. Bagi memenuhi keperluan semasa Sektor Awam di samping memberi penilaian yang setara dengan penarafan oleh Agensi-agensi lain, Jabatan Audit Negara akan menaikkan penarafan Cemerlang dari 4 bintang kepada 5 bintang. Ini adalah untuk

memastikan usaha kecemerlangan dibudayakan secara berterusan di peringkat Agensi Kerajaan dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

PELAKSANAAN

6. Tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) akan dinaikkan daripada **Sangat Baik (4 bintang)** kepada **Cemerlang (5 bintang)**. Manakala markah bagi penarafan **Tidak Memuaskan (1 bintang)** dinaikkan daripada 49.9% ke bawah kepada 59.9% ke bawah selaras dengan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Kerajaan yang menetapkan penjawat awam yang berprestasi rendah ialah seseorang yang memperolehi markah kurang daripada 60% berasaskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunannya.

7. Secara umumnya, Agensi Kerajaan yang dinilai akan diberi tahap penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) berdasarkan markah keseluruhan terhadap kawalan dalaman yang diwujudkan. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

**TAHAP PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN
(INDEKS AKAUNTABILITI)**

PERATUSAN MARKAH PENILAIAN (%)	TAHAP	PENARAFAN BINTANG
90 – 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

8. Pemarkahan dan aspek penilaian bagi setiap penarafan bintang adalah seperti berikut:



CEMERLANG

(90% - 100%)

- Objektif setiap elemen yang dinilai dicapai sepenuhnya dan memberi impak cemerlang.
- Pematuhan sepenuhnya kepada undang-undang dan peraturan.
- Pelaksanaan mencapai standard yang ditetapkan.
- Pembahagian tugas diberi dengan teratur, jelas dan seimbang.
- Kawalan dalaman keseluruhannya berkesan dan boleh dicontohi.
- Pemantauan urusan kewangan adalah sangat rapi.



BAIK

(80% - 89.9%)

- Sebahagian besar objektif setiap elemen yang dinilai dicapai.
- Memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- Pelaksanaan memenuhi standard yang ditetapkan.
- Sebahagian besar pembahagian tugas diberi dengan teratur dan jelas.
- Kawalan dalaman adalah mencukupi.
- Pemantauan dan penyeliaan terhadap aktiviti mencukupi.



MEMUASKAN

(70% - 79.9%)

- Hanya sebahagian objektif setiap elemen yang dinilai dicapai.
- Memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.
- Pelaksanaan memenuhi standard yang ditetapkan.
- Hanya sebahagian pembahagian tugas diberi dengan teratur dan jelas.
- Hanya sebahagian kawalan dalaman berkesan dan perlu penambahbaikan berterusan.
- Pemantauan dan penyeliaan terhadap aktiviti adalah memuaskan.



KURANG

MEMUASKAN

(60% - 69.9%)

- Sebahagian besar objektif dalam elemen yang dinilai tidak dicapai.
- Patuh sebahagian undang-undang dan peraturan utama yang ditetapkan.
- Pelaksanaan kadangkala memenuhi standard yang ditetapkan.
- Sebahagian besar pembahagian tugas tidak jelas dan tidak teratur.
- Kawalan dalaman tidak mencukupi dan tidak dilaksanakan secara konsisten.
- Pemantauan/penyeliaan terhadap aktiviti utama sahaja.
- Tindakan segera perlu diambil oleh pegawai yang diberi tanggungjawab.



TIDAK

MEMUASKAN

(59.9% ke bawah)

- Semua atau sebahagian besar objektif elemen yang dinilai tidak dicapai.
- Tidak mematuhi sebahagian besar daripada undang-undang dan peraturan utama yang ditetapkan.
- Pelaksanaan lazimnya tidak memenuhi standard yang ditetapkan.
- Pembahagian tugas tidak teratur dan tidak jelas.
- Satu atau lebih daripada kawalan dalaman utama tidak dilaksanakan menyebabkan organisasi terdedah kepada pelbagai risiko.
- Pemantauan/penyeliaan hanya sedikit/tiada atau tidak konsisten terhadap aktiviti utama menyebabkan berlaku kerugian/pembaziran.
- Tindakan segera perlu diambil/dirujuk kepada pengurusan.

ELEMEN PENILAIAN

9. Elemen penilaian penarafan masih dikekalkan dan terbahagi kepada Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Wang Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor, Pengurusan Kenderaan Kerajaan, Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan. Elemen yang dinilai untuk Agensi Kerajaan adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	ELEMEN YANG DINILAI		
		KEMENTERIAN /JABATAN	BADAN-BADAN BERKANUN	BENDAHARI NEGERI
1.	Kawalan Pengurusan	✓	✓	✓
2.	Kawalan Bajet	✓	✓	✓
3.	Kawalan Terimaan	✓	✓	✓
4.	Pengurusan Perolehan	✓	✓	✓
5.	Kawalan Perbelanjaan	✓	✓	✓
6.	Pengurusan Wang Amanah/ Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit	✓	✓	✓
7.	Pengurusan Aset Dan Stor	✓	✓	✓
8.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	✓	x	✓
9.	Pengurusan Pelaburan Dan Pinjaman	x	✓	✓
10	Pengurusan Penyata Kewangan	x	✓	✓
	BILANGAN ELEMEN YANG DINILAI	8	9	10

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

10. Semua Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pengurusan kewangan dikendalikan mengikut peraturan bagi menjamin akauntabiliti dalam pengurusan kewangan. Pengurusan kewangan dan perakaunan yang cemerlang boleh menghindarkan berlakunya amalan rasuah, pembaziran, pemborosan dan penyelewengan.

TARIKH BERKUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“AUDIT BERKUALITI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI”



(TAN SRI DATO' SETIA HJ. AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

s.k Ketua Setiausaha Negara